



# SHOULD MUSLIMS MAKE THEIR **CPF** NOMINATION?

HARUSKAH MASYARAKAT ISLAM  
MEMBUAT PENCALONAN CPF?



# RELIGIOUS RULING ON CPF NOMINATIONS

The Fatwa Committee of the Islamic Religious Council of Singapore (Muis) is of the view that a CPF nomination is a valid gift (*hibah*) in Islam.

There are many similarities between the CPF nomination system and *hibah* in principle, including that it is made by the contributor during their lifetime.



## I want my CPF distributed according to Faraid...

**Is it true that if I want my CPF savings to be distributed according to Faraid, I do not need to make any nominations?**

Savings of deceased CPF members who did not make a CPF nomination will be held by the Public Trustee's Office (PTO). Family members will have to initiate the claims process, retrieve the deceased's Inheritance Certificate from the Syariah Court, and provide other necessary paperwork. It can take up to six months for the CPF savings to be distributed, and the PTO and Syariah Court charge administration fees for their services.

To ensure that your CPF savings are distributed swiftly, conveniently, at no cost and to prevent potential family rifts and disputes, it is highly recommended to make a CPF nomination.

You may nominate your beneficiaries according to Faraid and consider planned giving by nominating your choice of charity or community institutions. Visit [www.cpf.gov.sg/nomination](http://www.cpf.gov.sg/nomination) to learn how to nominate organisations.

# DOING YOUR LEGACY PLANNING & PLANNED GIVING

Making a CPF nomination ensures that your CPF savings will be distributed according to your wishes when you pass on.

Other than ensuring that your loved ones are sufficiently supported, you may also seize the opportunity for planned giving to others beyond your Faraid beneficiaries or as *sadaqah jariyyah* (ongoing charity), such as creating wakaf, as an investment for the hereafter.

**Important Note:** *Once you have made your nominations, any contest to invalidate a beneficiary's claim after you pass is legally null and void. Nominating a person to distribute your savings according to your wishes also does not legally bind them to do so.*



Scan QR to make your CPF nomination online

## Cool Tip!



### The Faraid Calculator

Use the Syariah Court's Online Trial Inheritance Calculator to understand how your estate will be distributed according to Faraid, including who your beneficiaries and non-beneficiaries are, and the distribution rules and shares.



Scan QR to use Syariah Court's Online Trial Inheritance Calculator

## MAKING YOUR CPF NOMINATION

Make your nomination online or in-person at CPF Service Centres. You will need:

### For yourself

- Singpass
- Mobile number
- Email address

### \*For nominees

*(up to 15 nominees)*

- Full name
- NRIC particulars
- Email address

### \*For witnesses

*(two witnesses)*

- Full name
- NRIC particulars
- Valid Singpass
- Email address
- Mobile number

\*If your nominee or witness is a foreigner, you will also need their mailing address.

No Singpass or witness?

Visit a CPF Service Centre to make your nomination (by appointment only). Find the list of centre locations and opening hours at [www.cpf.gov.sg/contact-us](http://www.cpf.gov.sg/contact-us).

# HUKUM AGAMA MENGENAI PENCALONAN CPF

Jawatankuasa Fatwa Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) berpendapat pencalonan CPF merupakan hibah (hadiah) yang sah dalam Islam.

Terdapat banyak persamaan antara sistem pencalonan CPF dan hibah dari segi prinsip, antaranya ia dibuat oleh si penyumbang semasa hayatnya.



**Saya ingin simpanan CPF saya diagihkan mengikut Faraid...**

**Betul ke kalau ingin wang CPF diagihkan mengikut Faraid, saya tidak perlu membuat sebarang nominasi?**

Simpanan anggota CPF yang meninggal dunia tanpa membuat pencalonan akan dipegang oleh Pejabat Pemegang Amanah Awam (PTO). Ahli keluarga si mati perlu membuat tuntutan, memohon bagi Sijil Warisan dari Mahkamah Syariah, dan menyediakan dokumen-dokumen lain. Proses ini boleh mengambil masa sehingga 6 bulan. PTO dan Mahkamah Syariah juga mengenakan yuran pentadbiran.

Bagi memastikan simpanan CPF anda diagihkan dengan pantas, mudah, tanpa kos dan untuk mengelakkan pertelingkahan serta perselisihan dalam keluarga, adalah amat disyorkan untuk anda membuat pencalonan CPF.

Anda boleh mencalonkan benefisiari anda mengikut Faraid. Anda juga boleh rancangkan amal jariyyah anda dengan mencalonkan badan amal atau institusi masyarakat pilihan anda. Lungsuri [www.cpf.gov.sg/nomination](http://www.cpf.gov.sg/nomination) untuk ketahui cara membuat pencalonan kepada pertubuhan.

# MEMBUAT PERANCANGAN WARISAN & AMAL JARIYYAH

Membuat pencalonan CPF memastikan simpanan CPF anda diagihkan mengikut kehendak anda.

Selain memastikan keluarga anda mendapat sokongan yang mencukupi, anda juga boleh mengambil peluang ini untuk merancang pemberian bagi benefisiari di luar penerima Faraid anda atau sebagai *sadaqah jariyyah* (sumbangan yang berterusan), seperti wakaf, sebagai saham akhirat kita.

**Nota penting:** Jika anda membuat pencalonan CPF, sebarang tuntutan untuk membatalkan hak benefisiari CPF anda selepas anda meninggal dunia adalah tidak sah di sisi undang-undang. Menamakan seseorang dalam pencalonan CPF anda untuk bantu agihkan simpanan anda mengikut kehendak anda juga tidak mengikat mereka mengikut undang-undang untuk melakukannya.



Imbas kod QR untuk membuat pencalonan CPF anda dalam talian

## Tip Berguna!



### Kalkulator Faraid

Gunakan Kalkulator Faraid di laman Mahkamah Syariah untuk mengetahui bagaimana harta anda diagihkan mengikut Faraid, termasuk waris Faraid dan bukan Faraid serta bahagian agihan.



Imbas kod QR untuk menggunakan Kalkulator Faraid Mahkamah Syariah

## MEMBUAT PENCALONAN CPF ANDA

Buat pencalonan anda dalam talian atau di Pusat Perkhidmatan CPF. Anda perlukan:

### Untuk diri sendiri

- Singpass
- Nombor telefon E-mel

### \*Untuk calon (sehingga 15 calon)

- Nama penuh
- Butiran NRIC
- E-mel

### \*Untuk saksi (dua orang)

- Nama penuh
- Butiran NRIC
- Singpass yang sah
- E-mel
- Nombor telefon

\*Jika calon atau saksi anda merupakan warganegara asing, anda juga perlukan alamat rumah mereka.

Tiada Singpass atau saksi?

Kunjungi Pusat Khidmat CPF untuk buat pencalonan anda (menerusi temu janji sahaja). Dapatkan senarai lokasi dan waktu operasi di [www.cpf.gov.sg/contact-us](http://www.cpf.gov.sg/contact-us).



# Pledging to the SINGAPORE COMMUNITY WAKAF

IKRARKAN KEPADA  
WAKAF MASYARAKAT SINGAPURA

# WHAT IS THE SINGAPORE COMMUNITY WAKAF (WMS)?

The Singapore Community Wakaf or WMS is an Islamic endowment fund created to sustainably support the needs of the Singapore Muslim community in the next 30 years and beyond.

WMS is vested and administered by the Islamic Religious Council of Singapore (Muis).



## WHY DO WE NEED WMS?

Existing community funds such as Zakat, mosque donation boxes, and the Mosque Building and Mendaki Fund (MBMF) support the day-to-day and short-term needs of our community. Despite this, our institutions still face funding shortfalls and have to run ad-hoc fundraisings.

WMS aims to provide sustainable funding for long-term and future needs, to supplement existing funds and provide funding in areas not supported by any existing structured community fund.

## WHO ARE THE BENEFICIARIES OF WMS?

WMS aims to support three key objectives in the next 30 years:

### **Developing Our Asatizah Sector**

More than \$250M needed to develop, strengthen and professionalise the sector, including to help build the Singapore Islamic College


### **Sustaining Our Religious Institutions**

More than \$20M needed for mosque land lease renewals and to support other upgrading and future needs

### **Empowering Community Programmes**

More than \$17M needed to support our community, particularly the vulnerable, during unexpected crises and to sustainably fund regular socio-religious programmes

# HOW DOES WMS WORK?



When you contribute

Your contribution is pooled together with others' in the WMS Corpus

The WMS Corpus is preserved and perpetually invested to generate income

Only the net income from investments is disbursed to WMS beneficiaries

This way, your contribution benefits and uplifts our community continuously for generations to come. Allah s.w.t has promised that the immense rewards for *sadaqah jariyyah* (ongoing charity) will accumulate for you even after you pass.

## HOW DO I CONTRIBUTE TO WMS?

WMS currently accepts pledges. A pledge is a formal promise and commitment to contribute a specific amount over a specific period of time or at a specified time. Although not legally binding, making a pledge may suit your legacy planning needs as they change over time.

**1** Nominate WMS as a beneficiary in your CPF, insurance or will. *Skip this step to pledge a cash contribution.*

### WMS / Muis Details for Nominations

**Name:** Majlis Ugama Islam Singapura

**UEN No.:** T08GB0028L

**Type of Entity:** Organisation

**Mailing Address:** 273 Braddell Road,  
Singapore 579702

**Email:** [info@muis.gov.sg](mailto:info@muis.gov.sg)

**2** Submit the **WMS Pledge Form** with your nomination details (if applicable) to complete your pledge.



Scan QR or visit  
[www.ourwakaf.sg](http://www.ourwakaf.sg)  
to pledge to WMS


*May your intentions bring about continued blessings in the hereafter.*



# APAKAH WAKAF MASYARAKAT SINGAPURA (WMS)?

WMS adalah sebuah wakaf atau dana endowmen yang ditubuhkan untuk menyokong keperluan masyarakat Islam Singapura secara mampan dalam tempoh 30 tahun akan datang dan seterusnya.

WMS ditadbir Majlis Ugama Islam Singapura (Muis).



## MENGAPA KITA PERLUKAN WMS?

Dana masyarakat sedia ada seperti Zakat, tabung masjid, dan Dana Pembinaan Masjid dan Mendaki (MBMF) menyokong keperluan seharian dan buat jangka masa singkat. Meskipun dengan adanya dana-dana ini, institusi-institusi kita masih menghadapi kekurangan dana dan perlu menjalankan kutipan dana secara ad-hoc.

WMS bertujuan untuk menyediakan pembiayaan yang lebih mampan bagi memenuhi keperluan jangka masa panjang, dalam bidang yang tidak disokong dana sedia ada, dan menokok sebarang kekurangan.

WMS bertujuan menyokong tiga objektif utama dalam tempoh 30 tahun akan datang:

### **Membangunkan Sektor Asatizah**

Lebih \$250 juta diperlukan bagi untuk memperkukuhkan dan mempertingkatkan sektor Asatizah, termasuk membantu membina Kolej Islam Singapura

### **Mengekalkan Institusi Keagamaan Kita**

Lebih \$20 juta diperlukan untuk menampung pembaharuan pajakan tanah masjid, dan peningkatan serta keperluan masa depan yang lain

### **Memperkasakan Program Masyarakat**

Lebih \$17 juta diperlukan untuk menyokong masyarakat kita, terutamanya golongan terpinggir, dan membiayai program-program sosio-agama secara mampan

# BAGAIMANAKAH WMS BERFUNGSI?



Dengan cara ini, sumbangan anda akan terus kekal dan memberi manfaat serta membantu meningkatkan masyarakat kita khususnya untuk generasi akan datang. Allah s.w.t telah berjanji bahawa pahala amal jariyyah akan terus terkumpul untuk anda walaupun setelah anda meninggal dunia.

## BAGAIMANA UNTUK MENYUMBANG KEPADA WMS?

Buat masa ini, WMS menerima ikrar sumbangan. Ikrar sumbangan adalah janji atau komitmen rasmi untuk menyumbang jumlah tertentu dalam jangka masa tertentu atau pada waktu yang ditentukan. Walaupun tidak diikat mengikut undang-undang, ikrar sumbangan mungkin sesuai dengan keperluan perancangan legasi anda kerana ia mungkin berubah.

**1** Calonkan WMS sebagai penerima CPF, insurans atau dalam wasiat anda.

*Langkau langkah ini jika anda ingin ikrar sumbangan tunai.*

### Maklumat WMS / Muis untuk Pencalonan

**Nama:** Majlis Ugama Islam Singapura

**No. UEN.:** T08GB0028L

**Jenis Entiti:** Organisasi

**Alamat:** 273 Braddell Road,  
Singapura 579702

**E-mel:** [info@muis.gov.sg](mailto:info@muis.gov.sg)

**2** Isi Borang Ikrar WMS dengan butiran pencalonan anda (jika berkenaan) untuk lengkapkan ikrar anda.



Imbas kod QR atau lungsuri [www.ourwakaf.sg](http://www.ourwakaf.sg) untuk ikrarkan kepada WMS

*Semoga niat anda membawa keberkatan yang berterusan di akhirat kelak.*